

16 FEB 2003

Syed Hamid-Singapura

SINGAPURA PUTAR BELIT ISU JAMBATAN BARU, KATA SYED HAMID

JOHOR BAHRU, 16 Feb (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata Singapura telah memutarbelitkan isu pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor dengan berkata ia termasuk dalam pakej isu yang sedang dirundingkan antara kedua-dua negara.

Menurut Syed Hamid, Malaysia hanya memaklumkan kepada Singapura tentang hasrat negara untuk membina jambatan itu sebagai tanda menghormati jiran dan memandangkan Tambak Johor juga adalah sebahagian daripada republik itu.

Republik itu telah dimaklumkan dalam beberapa mesyuarat di Kuala Lumpur dan Singapura, bahawa pembinaan jambatan baru itu tidak termasuk dalam pakej yang dirundingkan, namun ia tetap dengan pendiriannya.

Syed Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan berkelompok pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno cawangan dalam Bahagian Johor Baharu di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Kementerian Luar Singapura semalam yang menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "an entertaining story-teller" (penglipur lara) ekoran pendedahan beliau bahawa Perdana Menteri Goh Chok Tong tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan baru untuk menggantikan Tambak Johor kerana Goh mempunyai perasaan "nostalgia" terhadap Tambak Johor.

"Dia pusingkan balik, mengatakan itu (pembinaan jambatan) sebahagian daripada pakej ... sebab itu dia tak boleh bersetuju. Sebenarnya tak ada persetujuan dengan dia, untuk membina jambatan bersama tetapi ada rundingan," katanya.

Menurut Syed Hamid lagi, pada masa yang sama adalah tidak wajar Singapura mengeluarkan kenyataan menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang "penglipur lara" kerana apa yang Perdana Menteri dedahkan itu dinyatakan semasa pertemuan empat mata bersama Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew berhubung hasrat negara membina jambatan itu.

"Apa yang Dr Mahathir bercerita itu bukan cerita tahyul atau cerita-cerita karut. Dia bercerita sesuatu yang benar yang terjadi dan itu adalah "recollection" (ingatan) beliau, yang saya sendiri boleh sahkan telah berlaku," katanya.

Dr Mahathir ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu di sini, Jumaat lepas mendedahkan bahawa Singapura tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor itu memandangkan Goh Chok Tong mempunyai perasaan "nostalgia" terhadap Tambak Johor, sebaliknya mencadangkan supaya jambatan dibina selepas Goh bersara kelak.

Menurut Syed Hamid, apa yang penting dan sepatutnya diambil iktibar oleh Singapura berhubung kenyataan Dr Mahathir itu ialah ia bertujuan melahirkan suasana hubungan yang baik bersama republik itu selain tidak mahu menuding jari bahawa Singapura tidak mahu bekerjasama dengan Malaysia walaupun demi kepentingan bersama.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan bertindak menghantar bantahan atau nota bagi menyatakan rasa kurang senang negara, beliau berkata:

"Pandangan saya ialah, kita tak payah hantar bantahan, buang masa hantar bantahan, tetapi saya harap mereka menghormati pemimpin-pemimpin kita," katanya.

"Bila pemimpin-pemimpin dia buat tuduhan-tuduhan yang macam ini, dia ada agenda yang tersendiri ... apapun dia suka nafikan bahawa dia menghadapi masalah kelembapan ekonomi untuk mengalih pandang rakyatnya

" ... realitinya memang Singapura pada masa ini menghadapi masalah ekonomi," dan menambah kata bahawa Malaysia mempunyai banyak kerja yang perlu diselesaikan daripada membuang masa dengan berkonflik bersama republik itu.

-- BERNAMA

RAM PR